

17 DEC 2002

RUMAH TERBUKA KRISMAS KEBANGSAAN DI MELAKA 28 DISEMBER

MELAKA, 17 Dis (Bernama) -- Rumah terbuka bagi sambutan perayaan Hari Krismas peringkat kebangsaan tahun ini akan diadakan di Melaka pada 28 Disember ini, kata Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri Datuk Hamdin Abdollah hari ini.

Beliau berkata Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abd Rashid berkenan menghadiri sambutan itu yang akan diadakan di Hang Tuah Mall di sini.

Turut dijadualkan hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir bersama isteri masing-masing.

"Selain itu, kira-kira 150,000 orang dijangka menghadiri sambutan berkenaan dari pukul 6.30 petang hingga 12 malam," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata pelbagai acara kesenian dan kebudayaan akan diadakan untuk memeriahkan lagi sambutan.

Katanya majlis itu mampu menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negara ke Melaka terutama dari negeri berdekatan seperti Johor dan Negeri Sembilan serta Singapura.

-- BERNAMA

SBS ROS